



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

(KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

ENCIK ABDULLAH BIN IBRAHIM

PELUKIS DEWAN BAHASA PUSTAKA

MAIZATUL AQILAH BINTI ZAKARIAH 2020496272

NUR ADILAH HANIM BINTI NORDIN 2020489008

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

ENCIK ABDULLAH BIN IBRAHIM

PELUKIS DEWAN BAHASA PUSTAKA

OLEH:

MAIZATUL AQILAH BINTI ZAKARIAH 2020496272

NUR ADILAH HANIM BINTI NORDIN 2020489008

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kami menyiapkan tugas berkumpulan kajian sejarah lisan bagi subjek “Oral Documentation” (IMR604) dengan jayanya.

Pertama sekali, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada tokoh seni warisan tempatan yang telah menjadi pilihan kami iaitu Encik Abdullah bin Ibrahim kerana sudi memberi kerjasama serta meluangkan masa dalam menjayakan sesi temubual untuk menyempurnakan kajian sejarah lisan ini. Pada kesempatan ini juga, kami turut ingin berterima kasih kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah, pensyarah bagi subjek ini kerana banyak memberi bantuan serta bimbingan sepanjang persiapan kajian sejarah lisan ini berlangsung.

Seterusnya tidak lupa juga kepada rakan sekelas kami yang banyak memberi cadangan serta komen yang berharga yang memberikan inspirasi kepada kami untuk meningkatkan kualiti penulisan serta kajian kami ini. Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada keluarga atas pemahaman dan sokongan dalam menyiapkan tugas ini.

Sekian, Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iii
Senarai Abreviasi/ Singkatan	iv
Rujukan Kata	v
1.0 BIODATA PENEMUBUAL	
1.1 Penemubual Pertama	2
1.2 Penemubual Kedua	3
2.0 BIODATA TOKOH	5
3.0 SEJARAH LISAN	
3.1 Pengenalan	7
3.2 Objektif Sejarah Lisan	7
3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	8
4.0 KAJIAN LITERATUR	10

5.0 TRANSKRIP	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh	13 - 17
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan	18 - 19
Bahagian 3: Kerjaya	20 - 22
Bahagian 4: Bidang Seni	23 - 31
Bahagian 5: Penglibatan dalam Kerjaya Seni	32 - 39
Bahagian 6: Sumbangan	40
Bahagian 7: Harapan	41
9.0 LAMPIRAN	
Surat Kebenaran	55
Surat Perjanjian	56
Senarai Soalan	57
Diari Kajian	63
Gambar	66
INDEKS	69

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini dilakukan bersama Encik Abdullah bin Ibrahim iaitu seorang pelukis seni warisan tempatan untuk mengetahui tentang kerjaya beliau sebagai seorang pelukis dari Dewan Bahasa Pustaka hinggalah bergerak solo. Temubual ini telah dijalankan di kediaman beliau bertempat di Kota Bharu, Kelantan. Tarikh temubual tersebut adalah pada jam 10.00 pagi hingga 11.30 pagi. Encik Abdullah bin Ibrahim merupakan bekas pelukis Dewan Bahasa dan Pustaka. Selepas bersara dari Dewan Bahasa Pustaka, beliau bergerak solo dengan melukis karya di rumah dan secara berkumpulan untuk membuat mural di sekitar kawasan Kelantan.*

Kata kunci: *Pelukis, Abdullah bin Ibrahim, warisan tempatan, Dewan Bahasa Pustaka, lukisan mural*

**SENARAI
ABREVIASI**

**SENARAI
SINGKATAN**

SENARAI ABREVIASI

Singkatan	Maksud
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
MATRADE	Malaysia External Trade Development Corporation
MET MALAYSIA	Jabatan Meteorologi Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

SENARAI SINGKATAN

EA	Encik Abdullah
MA	Maizatul Aqilah
NAH	Nur Adilah Hanim

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

Ape	Apa
Dok	Duduk
Jugak	Juga
Mace	Macam
Ni	Ini
Tak	Tidak
Takde	Tidak ada
Tu	Itu

BIODATA

PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



Nama	:	Maizatul Aqilah binti Zakariah
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	
Alamat	:	
Emel	:	
No. Telefon	:	
Program	:	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

1.2 BIODATA PENEMUBUAL KEDUA



Nama	:	Nur Adilah Hanim
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	
Alamat	:	
Emel	:	
No. Telefon	:	
Program	:	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH



Nama	:	Abdullah bin Ibrahim
Nama Singkatan	:	Encik Abdullah
Tarikh Lahir	:	
Tempat lahir	:	
Alamat	:	Kelantan
No. Telefon	:	
Profession	:	Pelukis
Bidang	;	Seni Lukis

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 Pengenalan

Seni lukis atau catan melibatkan pembubuhan cat iaitu pigmen pewarna terlarut dalam pelarut (atau medium) dan agen pengikat (gam) kepada suatu permukaan sokongan seperti kertas, kanvas atau dinding. Pekerjaan ini dilakukan oleh pelukis; takrif ini digunakan terutamanya jika ia merupakan kerjayanya. Manusia telah melukis selama enam kali lebih lama berbanding penggunaan tulisan. Perkataan *lukisan* digunakan sebagai bererti lukisan gambar seterusnya dalam rencana ini. Lebih khusus lagi, rencana ini tentang lukisan pada permukaan untuk sebab artistik, dianggap salah satu perkara penting dalam bentuk seni.

Catan ialah proses menghasilkan seni dengan menggunakan bahan berwarna atau cat yang disapu ke atas sesuatu permukaan yang rata. Aktiviti catan membolehkan seseorang menyedari serta dapat merakamkan kesan cahaya pada bentuk, rupa serta susunan yang terdapat pada alam sekitar. Sejarah catan dikatakan bermula pada Zaman Yunani Purba. Gambaran yang dibuat mengisahkan aktiviti keagamaan. Media yang digunakan ialah mozek dan fresco. Pada Zaman Pembaharuan yang merupakan zaman kemuncak seni lukis di Eropah, media yang digunakan adalah cat minyak, cat air, fresco dan tempera. Pada abad ke-20, muncul satu aliran baharu dalam persembahan catan yang mempersembahkan catan yang mempersembahkan karya seni abstrak dan semi abstrak. Di Malaysia, catan mula berkembang sekitar tahun 1930-an. Pelukis yang terkenal ialah Abdullah Ariff, Yong Mun Sen, dan A. B. Ibrahim yang banyak menggunakan media cat air.

3.2 Objektif Seni Lukisan

3.2.1 Mengkaji tentang latar belakang pelukis seni iaitu Encik Abdullah bin Ibrahim

3.2.2 Menghurai tentang kerjaya seorang pelukis

3.2.3 Menganalisis tentang sumbangan yang dilakukan dalam kerjaya

Sebagai seorang pelukis

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengenali tentang artis veteran iaitu

Abdullah bin Ibrahim yang merupakan seorang pelukis. Selain itu, kajian ini juga untuk memberi perkongsian tentang kerjaya Abdullah bin Ibrahim sepanjang kerjayanya sebagai seorang pelukis yang banyak memberikan jasa kepada industri seni lukis tempatan. Kajian ini mampu memberi manfaat kepada masyarakat untuk terus mengenali dan tidak melupakan warisan seni lukis di Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 Seni Warisan tempatan

Istilah daripada kamus The Oxford : The art of representing by line, delineation without color or with a single color; terjemahannya berbunyi 'lukisan ialah garisan yang membentuk imej dengan tidak menggunakan warna atau menggunakan warna yang terhad. Lukisan adalah kerja-kerja di peringkat awal dalam menghasilkan catan, cetakan, arca dan pelbagai lagi kerja – kerja seni. Namun begitu, pengertian lukisan itu seringkali disalah ertikan oleh kebanyakan orang yang menganggap bahawa lukisan dan catan adalah sama. Seni lukis merupakan satu cabang atau sebahagian daripada seni halus yang mana bentuk lukisannya merupakan karya dua dimensi dua dimensi, walaupun mempunyai pemahaman asas yang sama dengan seni rupa, lukisan mempunyai makna yang lebih mendalam kerana lukisan merupakan perkembangan yang lebih lengkap daripada seni lukis.

4.2 Asal usul Industri Seni Lukis

Melukis dikatakan dapat memberi kesan terhadap diri individu dan keaslian karya kepada pengkarya. Ini adalah kerana, melukis kebiasaannya dilakukan secara spontan yang melibatkan gerak hati dan dizahirkan melalui gerak tangan. Melukis dengan kerap adalah merupakan latihan kemahiran melukis di mana pelukis akan dapat menghayati lukisannya. Pelukis Agong, Albert Durer dalam lukisannya bertajuk Head of an Apostle telah memperlihatkan penggunaan teknik garisan silang dalam karya tersebut. Penegasan adalah tertumpu pada bahagian muka. Penggunaan garisan dapat memberikan kesan pada form dan ton. Sementara itu, bagi pelukis Rembrandt dalam lukisannya yang bertajuk 'The Omval' memperlihatkan penggunaan pelbagai jenis garisan. Garisan dalam karya tersebut memberi kesan perspektif dan membentuk landskap yang menarik.

TRANSKRIP

5.0 TRANSKRIP

Rakaman dan temubual ini mengisahkan tentang pengalaman dimana beliau merupakan seorang pelukis. Bersama-sama kami ialah Abdullah bin Ibrahim yang merupakan seorang pelukis. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 2 Februari 2023 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 10 pagi bertempat di Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Maizatul Aqilah binti Zakariah dan Nur Adilah Hanim binti Nordin. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk

EA: Encik Abdullah bin Ibrahim

MA: Maizatul Aqilah

NAH: Nur Adilah Hanim

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MA : Okay [Baiklah], saya mulakan. Nama penuh dan juga nama panggilan encik

EA : Abdullah

MA : Encik Abdullah.. biasa panggil? Panggilan yang biasa.

EA : Biasa?

MA : Digelarkan oleh rakan-rakan.

EA : Apa? [Semula]

MA : Panggilan yang biasa digelar oleh rakan-rakan

EA : Masa sy lukis kartun di _ _ _ _ _ komik, dipanggil Dol. D.O.L [dieja] DOL. Sini [di sini] panggil Abeloh. Tapi kita dah berumur tapi gejaran dia. Panggil Encik Abdullah pon boleh.

MA : [ketawa] Semua boleh. Okey [baiklah], bila encik dilahirkan?

EA : [ketawa] lama tu. ada lagi

MA : Birthday [Ulang tahun hari lahir] semalam lah ?

EA : Birthday semalam. YES ! [Ya! Ketawa] Masa telefon tu [itu], hari lahir. Rezeki lah rezeki.

MA : Okay [Baiklah], Encik dilahirkan di mana?

EA : Di_____ alamat ke?

MA : Sekadar negeri

EA : Kota Bharu

MA : Membesar dan dilahirkan di Kota Bharu ya?

EA : Ya

MA : Nama ibu?

EA :

MA : Nama ayah?

EA :

MA : Ibu bapa bekerja sebagai apa ?

EA : Ibu suri rumah, ayah sebagai kontraktor. Kontraktor rumah.

MA : Encik mempunyai berapa orang adik beradik?

EA : [mengira] Tujuh orang

MA : Ada yang terlibat dengan bidang yang sama ?

EA : Takde (Tiada). Ayah saya juga orang seni. Seni dengan rumah.

MA : Ya, kontraktor rumah juga berseni sebab nak tahu *design* [reka bentuk] rumah. Encik dirikan rumah tangga pada tahun?

EA : Tahun 1979

MA : **Siapakah nama isteri?**

EA : Hasnah

MA : **Umur isteri?**

EA : Lebih kurang 70. Saya 72

MA : **Isteri memang suri rumah atau bekerja sebelum ini?**

EA : Sebelum ni [ini] dia bekerja, sekarang dia buat bisnes.

MA : **Sekarang buat hisnes apa ?**

EA : Buat bisnes emas

MA : **Sebelum ni [ini] isteri bekerja di Kuala Lumpur juga ke?**

EA : Ya, dia kerja *company* [syarikat] Shell

MA : **Anak berapa orang?**

EA : Tiga

MA : **Umur anak-anak? Ingat ?**

- EA : Tak [Tidak] ingat
- MA : **Anak bekerja sebagai apa?**
- EA : Sulung Meteologi bahagian *map* [peta], sorang [seorang] lagi pensyarah bahagian ape tu [itu] macam pengambilan pelajar. Tak[(tidak] ingat la saya. Sorang [seorang] lagi guru
- MA : **Ada anak yang minat melukis?**
- EA : Ada tapi hanya sebagai minat bukan sebagai hobi
- MA : **Antara melukis dengan kerjaya, macam mana [bagaimana] encik bahagikan masa dengan keluarga?**
- EA : Melukis ni [ini] disamping membantu, meniaga, melukis
- MA : **Hobi selain melukis?**
- EA : Takde [tiada]
- MA : **Apakah motto hidup encik yang encik pegang dalam hidup?**
- EA : Macam mana [bagaimana]?
- MA : **Apakah motto hidup encik yang encik pegang dalam hidup encik dan diterapkan dalam diri?**
- EA : Di kelantan ni banyak budaya dan saya lebih tumpu kepada budaya

kelantan. yang terutamanya Makyong. budaya bercucuk tanam seperti lukisan belakang ni, menunjukkan kebudayaan Kelantan, bersilat, pertanian.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

MA : Berdasarkan pendidikan, encik bersekolah rendah di mana?

EA : Sekolah padang _____, Kota Bharu .. kemudian bersekolah di sekolah Langgar

MA : Tahun mulakan sekolah rendah? Ingat?

EA : Tak [tidak] ingat

MA : Kemudian , sekolah menengah di mana?

EA : Sultan Ismail College SIC

MA : Tahun bila tamat pelajaran?

EA : Lebih kurang tahun 60 an

MA : Semasa sekolah , ada terlibat dengan pertandingan melukis?

EA : Ada , tapi pertandingan peringkat sekolah dan dapat cenderamata.

MA : Memang minat melukis dari zaman sekolah ?

EA : Memang minat dari zaman sekolah. *Gifted* [anugerah] kan , dari kecil kita boleh melukis, melukis di dinding.

MA : Apa yang mencabar masa zaman sekolah?

EA : masa zaman sy sekolah , kertas kan susah dapat. jadi bila dapat kertas, nak melukis. antara salah satu cabaran kan ? jadi, buku tulis zaman sekolah tu, sebab tak [tidak] tahan nak melukis jadi sy lukis di tengah buku semasa cikgu mengajar. Nakal biasa lah

MA : Selepas habis sekolah menengah, ada sambung pengajian?

EA : Takde [Tiada] , terus bekerja

MA : Pengalaman manis sebagai seorang pelajar?

EA : Takde [Tiada]

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA

**MA : Habis sekolah menengah tak [tidak] sambung belajar, kan [bukan] ?
jadi terus bekerja sebagai ?**

EA : Pelukis di dewan bahasa dan pustaka

MA : Berapa lama bekerja sebagai pelukis di dewan bahasa dan pustaka?

EA : Dalam 6 tahun

MA : Kemudian bekerja di mana ?

EA : Di *company* [syarikat] pengiklanan

MA : Di bahagian pengiklanan bahagian lukisan juga ke?

EA : Pelukis grafik. Di dewan bahasa dan pustaka pelukis reka bentuk

**MA : Antara lukis grafik dengan lukis reka bentuk atas kertas? yang
mana lebih mencabar ?**

EA : Grafik lebih mencabar. *art design* [seni lukis] lebih mencabar sebab
bahagian pengiklanan

MA : Encik lukis grafik menggunakan A.I? *adobe illustrator*?

EA : Masa tu takde [tiada] lagi. Bahagian pengiklanan tu *combine* [bergabung]
dengan TTC, MMS dan PTM Communication. Buat kerja untuk dia, buat

magazine. MMS kita buat untuk *magazine* [majalah].

MA : Nama syarikat pengiklanan tu apa ?

EA : PTM Communication.

MA : Bekerja di PTM berapa lama ?

EA : 8 tahun

MA : Pastu [kemudian] ada sambung kerja mana-mana?

EA : Takde [tiada] , saya terus pulang ke Kelantan dan saya teruskan dengan bisnes lukisan.

MA : Kenapa minat melukis?

EA : Sebab memang *gifted* [anugerah] dan sebab memang minat lukis.

MA : Apa keistimewaan lukisan tu [itu] dalam diri encik?

EA : Kita melukis ni [ini] untuk komersial dan untuk dijual.

MA : Selain kepakaran melukis, ada kepakaran lain ke ?

EA : Takde [tiada]. Bila [apabila] melukis akan ada pameran. Saya pernah pergi di Jitra Terengganu saya ada dapat saguhati. Lukisan yang saya buat ni , saya akan hantar di galeri Kuala Lumpur untuk pameran.

MA : Encik ada ke hantar lukisan di galeri kuala lumpur baru-baru ni

(ini)? Dalam bulan lepas atau dua bulan lepas?

EA : Tak [tidak] , selepas COVID saya tak [tidak] pergi. Pernah dijemput tapi tak [tidak] respon. sebab COVID dan masalah pengangkutan. *Last* akhir] tahun 2015.

MA : **Semasa bekerja, teruskan melukis untuk bekerja saja laa kan ?
Untuk komik ? Kemudian baru melukis sepenuh masa?**

EA : Ya, melukis untuk pameran.

MA : **Ada tak [tidak] penerimaan positif? kritikan positif?**

EA : Ya, banyak respon positif, orang [masyarakat] suka tengok

MA : **Siapa yang lebih mendorong untuk teruskan lukisan ?**

EA : Isteri

MA : **Selain daripada *facebook*, ada tak [tidak] media sosial lain tempat
encik pameran lukisan ?**

EA : *Whatsapp, instagram* dan *facebook*. Lebih kepada *facebook*. Sekarang
pon kurang di *facebook* sejak COVID

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: BIDANG SENI

NAH : Boleh tak encik ceritakan serba sedikit mengenai bidang lukisan ni dari sudut pandangan encik sendiri?

EA : Semula.

NAH : **Ceritakan pasal bidang seni lukis ni [ini] dari sudut pandangan encik sendiri?**

EA : Kut mana ya?. Dari sudut [ketawa].

NAH : **Lukisan ni macam mana [bagaimana]. Dari sudut pandangan?**

MA : **Mungkin ada memberi sedikit ketenangan ke ataupun macam. Macam tu lah. Mungkin ada sedikit ketenangan ke kalau kata duduk kita start melukis tu ke macam mana ke?**

EA : Kita pelukis, kita kena ada ketenangan. Cari idea pahtu (selepas itu) mood kena ada. Kalau mood tu takde mood. Tak mari kita berhenti dulu. Tu kann. Jadi bila ada mood, dapat idea dapat apa kita mula. Lepastu aaa dia ni melukis ni kena ada.. Apa ni orang panggil connect dengan kawan-kawan pun kena ada jugak. Sama-sama pelukis tu ada kann untuk mendapatkan motivate [motivasi].

NAH : **Apakah jenis lukisan yang encik gemar hasilkan?**

EA : Figura. Figura dan landscape (landskap). Saya figura banyak figura. Pasal saya melukis semua ni masa Dewan Bahasa tu dengan figura. Jadi daripada situ saya melukis ini pun figura. Jadi sekarang baru ni, kemudian ni kita mula nak buat landscape.

MA : Guna style [gaya] landscape [landskap].

NAH : Teknik lukisan yang selalu digunakan dalam penghasilan karya?

EA : Teknik biasa fine orang panggil apa? Fine art. Fine art, kontemporari, semi. Semi abstrak kan. Kontemporari. Panggil apa tah kontemporari? Tak ingat dah. Kontemporari jugak [juga]

NAH : Medium yang digemari dalam penghasilan karya?

EA : Akrilik. Yang kedua oil [minyak] yang ketiga watercolor [warna air].

NAH : Macam mana [bagaimana] encik dapat inspirasi nak hasilkan satu karya tu. Untuk satu-satu masa.

EA : Ore [orang] seni ni dia biasanya dia dengan sendiri dia complete key. Nak wak satu benda tu dengan sendiri. Dapat idea tu daripada idea tu kita gambarkan terus. Tu biasalah. Daripada idea tu kita terus letak atas kanvas atau kertas.

- NAH** : **Di manakah tempat yang menjadi pilihan encik untuk melukis selalunya?**
- EA** : Di rumah. Apeni. Outdoor. Di rumah dan outdoor [luar].
- NAH** : **Kalau outdoor [luar] tu macam pergi sorang ataupun bawak [bawa] family [keluarga]?**
- EA** : Kumpulan, dua tiga orang outdoor [luar]
- NAH** : **Barang yang sering digunakan dalam penghasilan karya?**
- EA** : Ape dia? [apa]
- NAH** : **Barangan yang digunakan untuk nak buat satu karya?**
- EA** : Yang tadi lah kan?
- MA** : **Maksudnya macam selain mungkin akan ada pakai berus ataupun ada pakai alatan lain?**
- EA** : Brush [berus] dengan pallet knife [pisau palet] (sambil menunjukkan objek). Tahu tak pallet knife [pisau palet]?
- MA** : **Pallet [palet] yang dia punya papan dia macam pisau yang biasa dia yang ini bukan biasa dia untuk akrilik. Ingatkan pakai sudu? ada name dia pallet knife [pisau palet].**

NAH : kalau kita guna warna air dengan cat minyak tu adakah dia berbeza dalam satu satu lukisan tu?

EA : Beza memang berbeza warna air ni [ini] dia ada. Dia simple je. Dia cepat gunakan cepat guna cepat kering kan? Macam akrilik la tapi dia cair. More on [lebih kepada] water [air] lah kan. Water based [berasaskan air]. Lebih simple. Kalau macam color [warna] ni simple cepat la kan. Kalau berbanding dengan akrilik dia ambik [ambil] masa lama.

MA : Sebab tadi kata susah dia lambat kering.

EA : Oil [minyak] die [dia] lambat kering. Sebab cepat kering. Watercolor ni dia kalau kita guna pakai A4 size [saiz A4] dalam masa sehari boleh siap dah. Buat satu satu hari memang boleh siap. Kalau akrilik dua tiga hari kita berhenti. Buat-buat kita berhenti.

NAH : Dia ada stage dia.

EA : Lepastu [selepas itu] kita sambung balik. Oil [minyak] pun macam tu jugak [juga]. Watercolor [warna air] ni dia spontan je. Spontan boleh siap. Tu beza dia.

NAH : Adakah encik mempunyai lukisan kegemaran di antara lukisan-lukisan yang pernah dihasilkan

EA : Selain potret, figure [figura] lah figure. Potret

- NAH : Apakah lukisan yang pertama yang pernah encik hasilkan?**
- EA : Lukisan pertama? pertama lagu [macam] mana? masa kecik ke?
- MA : Kalau masa kecik pun ada jugak lukisan kan. Maknanya bila start [mula] dengan bisnes ni yang lukisan pertama.**
- EA : Start [mula] bisnes yang pertama lukis on [pada] kanvas.
- MA : Mungkin gambar potret manusia ke atau pun?**
- EA : Figura. Macam ni kan contoh lukisan macam tu kan. Lebih kurang macam tu lah. Dia figure [figura] kan? Landscape[landskap] kemudian.
- NAH : Dalam banyak-banyak lukisan yang encik hasilkan tu manakah yang paling bernilai?**
- EA : Yang paling bernilai figura lah. Figura.
- NAH : Berapa banyakkah lukisan yang dapat dijual setakat sekarang?**
- EA : Banyak keping dah. Terjual masa di KL [Kuala Lumpur] tu dua belas [12] ribu ada, lapan ribu [8] ribu ade, tujuh [7] ribu pun ade. Pernah dijual lah tu. Tapi jual di galeri Kuala Lumpur.
- NAH : Lukisan yang termahal pernah dijual?**
- EA : Termahal yang dua belas [12] ribu tu.

- MA** : **Satu lukisan tu harga dia dua belas [12] ribu.**
- EA** : Satu lukisan dua belas [12] ribu. Yang masuk dalam ape auction. Tahu tak auction?
- NAH** : **Macam mana tu?**
- EA** : Orang Melayu panggil ape ye? Biding. Apa biding. Dia dia lelong lelong.
- MA** : **Bila dipamerkan tu nanti orang akan bid [bida] berapa harga yang macam tu.**
- EA** : Dipanggil A-u-c-t-i-o-n (mengeja). Bida eh orang panggil bida. Auction.
- NAH** : **Bagaimanakah satu lukisan itu dinilai untuk tentukan harga satu-satu lukisan tu [itu]?**
- EA** : Kita depend [bergantung] atas lukisan lah. Atas karya lukisan. Kekadang bila tu tak ni sangat kan. Atas kualiti lukisan lah.
- NAH** : **Adakah encik pernah menerima tempahan lukisan dari mana-mana pihak?**
- EA** : Ade [ada]. Tempahan? ade [ada]. Pernah buat tempahan.
- NAH** : **Lama tak tempoh masa nak siapkan satu-satu lukisan tu?**
- EA** : Setengah tu dalam dua minggu ada gak [juga]. Setengah tu, sebulan lebih ade [ada] gak [juga].

NAH : Boleh tak encik cerita macam mana kita nak bezakan lukisan yang berkualiti dengan yang tak berkualiti?

EA : Die [dia] bukan kualiti, die atas tajuk lukisan. Tajuk komposisi lukisan. Kualiti tu atas komposisi dan hasil lukisan tu. Kualiti dan hasilnya serta subjeknya.

NAH : Aspek yang penting yang encik titik beratkan dalam menghasilkan lukisan ni?

EA : Macam mana aspek? aspek macam mane [mana]?

MA : Mungkin lebih menitikberatkan kepada color [warna] die ke? Untuk menaikkan color [warna] ataupun lebih menitikberatkan untuk ape [apa] macam subjek die ke?

EA : Die atas komposisi. Composition [komposisi] maknanya semua bentuk kan? semua bentuk dia, cabaran dia. Pahtu [selepas itu] komposisi apa. Jalan ceritanya. Ape orang panggil? komposisi. Kan awak tengok belah tu kan? jadi orang dok [duduk] di tengah buah, keadaan sekitar dia dengan lukisan belakang tu lah itu yang kita penting masuk buah-buahan. Ia jadi satu benda lah kan? dekat pasar ore tengah jual buah pahtu [selepas itu] belakang dia tu ada benda-benda. Ha itu lah. Dipanggil komposisi.

NAH : Sebelum encik nak mulakan untuk melukis sesuatu tu kan, apa yang encik buat untuk nak [hendak] ambik mood tu?

EA : Boleh kata cari idea lah kan idea, idea tu kena ikut mase [masa]. Sekarang ni diorang suka apa. Bagi saya lah, masa sekarang ni banyak pada landscape [landskap] pahtu [selepas itu] stay life gapo [apa] benda tu. Pasu ka lesung ka. Portrait [potret], stay life.

NAH : Dalam banyak lukisan yang encik pernah lukis ni, apakah lukisan yang paling mencabar lah setakat ini? yang pernah buat.

EA : Takde ape [apa]. Boleh lukis semua boleh buat. Tak boleh lukis semua boleh lukis. Lukis stay life, bunga pun boleh landscape pun boleh. Laut tu key [kunci]. Selepas tu takde. Dengan pengalaman kite dengan apa orang panggil kita punyea kebolehan, takda [tidak ada] masalah.

NAH : Sepanjang penglibatan encik dalam bidang ni [ini] bidang lukisan, berapa banyakkah yang telah dihasilkan?

EA : Banyak. Banyak gila.

NAH : Bagaimanakah encik menjaga lukisan yang lama? Pastu bagaimanakah nak jaga kualiti tu [itu] daripada tak rosak?

EA : Color [warna] ni bagi saya kalau watercolor [warna air] ni dia tak tahan lama. Cepat pudar kan? watercolor kan. Cepat pudar. Kalau (kalau) oil [minyak] ataupun akrilik dia maintain [mengekal] dia tak pudar. Sebab tu (oleh sebab itu) saya tumpu kepada akrilik nak dengan oil [minyak] lah. Kalau watercolor [warna air] ni saya buat kecil-kecil [kecil-kecil] je lah. Yang tu biasa la kan? Jualan kan.

NAH : **Ada tak lukisan yang terbaru yang encik hasilkan dan boleh bagi maksud dak?**

EA : Sekarang ni saya lukis landscape [landskap] lah. Alam sekitar kan. Buat outdoor [luar] semua kan. Padi ka bukit-bukit, pokok-pokok yang tu.

MA : **Maknanya pernah la jugak duduk dekat satu tempat duduk untuk melukis Berape lame [lama] ambik mase [masa] macam duduk lukis?**

EA : Selalunya kalau saya nak lukis atas kanvas tu saya buat sketching [melakar]. Sketching [melakar] dengan watercolor [warna air] dulu. Watercolor [warna air] sketching [melakar] orang panggil kan. Pahtu [selepas itu] kalau sketching pahtu [selepas itu] siap watercolor [warna air] sketching [melakar] tu outdoor [luar] punya sketching so [jadi] balik saya bukan convert [menukar] saya transfer [pindah] into [ke dalam] kanvas.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN DALAM KERJAYA SENI

NAH : Encik ingat tak lagi bila encik mula bergiat aktif dalam bidang seni (5) ni? tahun bila?

EA : Masa kecik [kecil] lah. Masa kanak-kanak lagi.

NAH : Lebih kurang berapa tahun tu dah terlibat dalam bidang seni lukis ni?

EA : Sampai sekarang lah. Sampai sekarang lah dah enam puluh [60] tahun lebih.

NAH : Adakah encik ceburi bidang seni ni merupakan cita-cita sejak kecik [kecil]?

EA : Ya.

NAH : Adakah encik mendapat persetujuan dari ibu bapa untuk menceburi bidang seni lukis.

EA : Ya saya dapat.

NAH : Ada tak kenangan ataupun pengalaman manis yang encik dapat sepanjang penglibatan?

EA : Pengalaman manis apa ya. Mase [masa] pertandingan pengalamaman manis sewaktu buat pertandingan lah. Ramai-ramai lah kan. Masa tu [itu]

di Citra Terengganu, di Balai Seni Lukis Kelantan.

NAH : Pengalaman yang mencabar pulak?

EA : Tak terjadi, tak terhasil lah kan. Itu atas mood tu kan? jadi aaa takda apa lah cume [cuma] kalau tak jadi tu kite [kita] berhenti kan pastu kita sambung balik.

NAH : Adakah encik mempunyai idola yang menjadi inspirasi dalam nak hasilkan satu lukisan tu?

Pelukis-pelukis daripada...pelukis-pelukis yang yang hebat lah kan..pelukis hebat macam mane ye [ya], ramai tu ramai pelukis- pelukis hebat. Tak leh [tak boleh] nak detail [terperinci] tu tak boleh lah kan. Banyak pelukis- pelukis yang hebat daripada Kuala Lumpur, daripada Indonesia, daripada antarabangsa lah kan. Saye [saya] rujuk-rujuk lah tengok situ kan.

NAH : Menerusi pencarian kami lah kan. Bagaimana encik dapat inspirasi untuk lukis potret M.nasir dan P.ramlee tu [itu] ? dan mengapa?

EA : Potret lukisan P.ramlee ya? macam mane [mana] tu?

NAH : Macam mana [bagaimana] dapat inspirasi nak lukis M.nasir dengan P.ramlee?

- EA : Die seorang idola lah kan. Dari situ saya ambik [ambil] dia sebagai figure [figura]. Dah [sudah] tengok lukisan tu?
- MA : Ada**
- EA : Kat [di] mana?
- NAH : Facebook**
- EA : Oh, dalam Facebook tu. (bunyi notifikasi telefon)
- NAH : Selain daripada potret M.nasir dengan P.ramlee, siapakah tokoh lain yang pernah dilukis?**
- EA : Sekarang ni saye [saya] nak tumpu kepada [kepada] tokoh-tokoh politik je [ja]. Hebat politik sekarang ni [ini]. Jadi saya nak tumpu kepada itu.
- NAH : Dekat [di] mana karya-karya lukisan encik ni dipamerkan?**
- EA : (bunyi pen) Muzium Terengganu, Balai Seni Lukis Kelantan, Siti Art Gallery Ampang. Galeri di MATRADE Art Exhibition. MATRADE Art Exhibition.
- NAH : Apakah lukisan yang biasa dihasilkan untuk pameran?**
- EA : Landscape [landskap]. Kebanyakan lukise-lukise [lukisan-lukisan] budaya bentuk budaya Kelantan. Warisan bentuk-bentuk budaya.

NAH : Selain daripada menghadiri pameran tu kan adakah encik sering dijemput untuk mengendalikan bengkel seni ataupun ceramah bagi seni bidang lukis ini.

EA : Takde [tidak ada]. Mace [macam] untuk dijemput pameran tu ade [ada] la. Ceramah takde [tidak ada].

NAH : Adakah terdapat jemputan melukis dari luar atau hanya menerima tawaran dalam negeri sahaja?

EA : Di sini Kelantan, mural di Kelantan.

NAH : Adakah penglibatan tersebut dijemput ataupun secara sukarela?

EA : Dijemput

NAH : Dalam lukis [lukisan] mural ni [ini] secara berkumpulan ataupun secara individu?

EA : Secara berkumpulan

NAH : Contohnya nama-nama boleh tak encik sebutkan nama-nama yang sekali lukis?

EA : Saya buat kerjasama dengan group [kumpulan] daripada USM [Universiti Sains Malaysi] ...Universiti Malaysia Kelantan asal diorang ni setengah dia tu tak...tak...bagi saya lah...pelukis- pelukis kebanyakan ni di sini di di Kelantan ka memana [di mana-mana] figure [figura] tu kurang. Kebanyakannya kurang figure [figura] saye [saya] kalau figure saya memang detail [terperinci]. Saye [saya] pilih sifat anatomi ni kan bentuk tu kan bابتu [sebab itu] kalau tengok mural-mural di ni kalau figure[figura] tu ore [orang] lain tu tak detail mana dia buat bahagian lans ape ni...bentuk-bentuk diagram [rajah] komponen-komponen pahtu [selepas itu] ok lah kalau melibatkan figura diorang tak itu tak cekap tak berape [berape] sebabtu saya dijemput kerane [kerana] saye [saya] figura. Sebab mural kebanyakan dia figura kan. - - - -

NAH : **Adakah lukisan mural ini digunakan teknik yang sama seperti melukis dekat [di] kanvas?**

EA : Lebih kurang same [sama] bentuk besar kan? Media sama ja akrilik. Media akrilik lah. Saya tak paka [pakai] tak leh paka [pakai] oil [minyak] kita pakai water based [berasaskan] punya akrilik.

NAH : **Sekarang boleh encik ceritakan tak aktiviti terkini yang encik sertai dalam masa terdekat?**

- EA : Saya slow [perlahan] sejak sejak covid kan. Sejak covid ni saya tak aktif sangat. Semua buat di rumah saja [sahaja]. So [jadi] macam kerja berkumpul pun macam tak boleh lah kan . Combine [gabung], join [sertai] dengan member pun dia tidak aktif mana nak wak [buat] pameran pun kan. Sebab covid.
- NAH : Bagaimana encik bergiat aktif dalam bidang seni lukisan ni sehingga sampai tahap sekarang?**
- EA : Saya melukis la. Sebab apa? kesabaran macam tu?
- NAH : Pada pendapat encik apakah persiapan yang penting yang perlu dilakukan sebelum nak ceburi bidang ini? Ke takde [tidak ada]**
- EA : Persiapannya idea, peralatan...idea, kos _ _ _ _ _
- NAH : Pada pandangan encik adakah semua orang boleh ceburkan diri dalam bidang seni lukis ni [ini]?**
- EA : Tidak semuanya [semuanya]. Ada orang yang minat pada seni lukis ja lah, yang ada bakat.
- NAH : Pada pendapat encik jugak [juga] apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang untuk dia nak jadi pelukis?**
- EA : Dia mesti ada minat. Kalau minat, daripada minat tu [itu] dia kalau kata ajar dia pun dia boleh ni [ini] kan dengan cepat.

- NAH : Jadi tak lah dia rasa macam terpaksa ka apa ka kan. Sebab dia minat.**
- EA : Bila dia minat automatik ni kan. Tapi kalau takda [tidak ada] minat, kita suruh lukis pun dia,tak boleh.
- NAH : Apakah bentuk latihan yang sesuai diberikan kepada mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang seni lukis ni?**
- EA : Asas kalau figure [figura] asas figura lah kan. Landskap asas dia sketching _____ tak tahu nak jawab macam mana [ketawa]
- NAH : Apakah nasihat terbaik yang boleh diberikan kepada bakal-bakal pelukis yang nak meneruskan seni warisan ni [ini]? Pada pendapat encik?**
- EA : Satu dia kene [kena] ade [ada] minat... Due [dua] konsep apa konsep die [dia]. Motif ape [apa] kan. Contohnya aaa setengah dia suka buat seni batik. Ada setengah dia buat figura. Setengah orang dia suka buat bunga lah kan. Jadi atas kehendak die [dia] lah. Atas sendiri---
- NAH : Kita kena try [cuba] and [dan] error [silap] lah kan. Kalau macam mula-mula tu [itu]?**

EA : Contoh eh kalau suka buat bunga la kan...so buat bunga jadi kena kena ada cara macam mana nak buat mungkin warna dia, bentuk dia kan bunga kan dia pelukis ni [ini] kalau dia boleh satu apa satu dia boleh buat lukis bunga, landskap ni kurang, figure [figura] dia tak ni. Kalau lukis figure, dia boleh buat figure, kadang-kadang landskap dia kurang macam saya figure [figura] kan, landskap saya tak berape [berapa] kurang. Boleh tapi kurang sikit [sedikit].

NAH : **Adakah encik setuju bahawa kesabaran merupakan aspek yang penting dalam menghasilkan --- [ketawa]**

EA : Ketenangan, semua ketenangan.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: SUMBANGAN

NAH : **Apakah pencapaian atau anugerah yang encik rasa paling besar la sejak menceburi bidang ni [ini]?**

EA : **Anugerah? Anugerah takde [tidak ada].**

NAH : **Melalui hasil karya encik buat ini kan, apakah pandangan yang masyarakat perlu ---**

EA : **Kejap. Anugerah ni macam biasa lah kan bagi sijil lah, .sijil untuk buat mural.**

NAH : **Melalui hasil karya seni ni [ini] apakah pandangan yang masyarakat perlu lihat di sebalik lukisan-lukisan yang encik buat ni.**

EA : **Atas warisan.**

NAH : **Apakah pencapaian yang ingin encik kecapai dalam bidang ni [ini]?**

EA : **Untuk menjadi pelukis yang hebat lah. Disukai oleh orang ramai, diminati oleh orang ramai.**

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: HARAPAN

NAH : Harapan encik sendiri, pada pandangan encik, adakah bidang seni lukisan ni [ini] penting untuk dikekalkan?

(7)

EA : Dia dia melukis ni konsep tu penting apa yang dia nak. --- budaya kan? yang lain mungkin konsep lain bentuk macam batik cara batik kan? Staylife, staylife. Benda-benda tu. Pokok-pokok kelapa ---

MA : Adakah macam lukisan yang belakang tu penting jugak? [juga] maknenye macam kalau kata generasi akan datang dapat tahu la oh cemana [bagaimana] budaya dulu.

EA : Macam orang zaman sekarang ni [ini] die...die tak tahu apa yang _ _ _ _ _ maksudnya yg tu contoh tu yang sekarang tak ada dah. Ini pasal bertani, dia petani ni dua _ _ _ _ _ entrepreneur [usahawan] yang ni bertani hasil daripada hasil rumah dia yang satu lagi kat [di] pasar-pasar dia panggil -- --- entrepreneur [usahawan] beli barang produk dia jual. Yang ni hasil daripada rumah dia, daripada tani.

NAH : Pandangan encik sendiri terhadap seni lukis pada masa hadapan?

EA : Pada masa hadapan --- Cuma saya sekarang tumpu pada yang lain. Yang tu jarang --- saya tumpu pada landskap, staylife _ _ _ _ _

MA : Ada tak tengok lukisan-lukisan daripada orang yang macam kalau orang-orang lama lukisan dia lain, kalau orang muda punya lukisan pernah tengok? Karya lebih kepada apa?

EA : Perbandingan? Dia memang ada beza. Lukisan orang dulu-dulu teknik dia cara lama. Simple. [mudah] Sekarang buat ada kontemporari,dulu klasik. ----- Kalau ikut pada ----- dia tukar daripada ----- ubah suai, warna, teknik. Sekarang banyak macam tu.

MA : Jika diberi peluang untuk pergi outdoor [luar] lagi berminat tak?

EA : Masih on [berjalan]. cumanya hujan sekarang. So musim tak hujan kita aktif, buat outdoor [luar]. Pergi tempat-tempat macam di Pasir Mas, bersama sahabat seperti Pak Rossem, ramai pelukis-pelukis. Cumanya mungkin pelukis akan datang kita nak buat pameran jugak [juga] di KL [Kuala Lumpur]. Macam keadaan sekarang ----- Ada jemputan, pameran tapi kita nak siapkan satu nak hantar lukisan satu. Kekangan kita sendiri. Kos kita sendiri. Pasal selalunya kita dulu hantar lukisan diorang [mereka] urus semua, tapi sekarang ada setengah suruh kita uruskan. Hantar lukisan kita sendiri kena ada di sana.

MA : Ya, betul. Seperti kawan saya, ada hantar di KL [Kuala Lumpur] baru baru ni, bulan lepas tak silap, bulan satu atau dua belas macam tu. Bila pergi, lecturer [pensyarah] mintak [minta] dia datang sebab art [seni] ada dekat [di] situ. Lukisan ada dekat [di] situ, so [jadi] dia

kena pergi jugak [juga] walau macam mana sekalipun.

EA : Kalau outstation [kerja luar] kalau macam kat luar Terengganu, Kelantan susah sikit. Orang KL [Kuala Lumpur] mungkin ok kan. Masa dulu kita hantar urus sana senang, galeri urus bila dah selesai. Kalau kita gi [pergi] untuk perasmian saja [sahaja] lepas tu [selepas itu] kita balik, kita tinggal situ, dia urus semua. Bila selesai dia hantar balik _ _ _ _ _ buat di MATRADE dia suruh hantar lukisan lepas tu [selepas itu] tiap-tiap [setiap] lukisan kena bayar untuk space [ruang]. Ruangan yang diberi kita perlu bayar. Nak hantar kena hantar sendiri. Jadi rumit sedikit.

MA : Adakah pekerjaan melukis ini memerlukan kos yang tinggi?

EA : Melukis, kos melukis tak tinggi mana, cuma idea nak create [cipta] benda. Masa dia semua, cuma kosnya tak tinggi mana.

MA ; Kalau macam tempahan daripada orang luar, adakah mengambil masa yang lama? Ada tak lukisan yang tidak memenuhi citarasa pelanggan?

EA : Tak kena dengan citarasa kadang-kadang dia suruh baiki. Ubah-ubah. So far [setakat ini] benda tu ok [baik] _ _ _ _ _

MA : Sangat dipermudahkan lah macam tu. Kiranya macam lukisan pemandangan memang pergi buat sketching kat luar lah ke ada tak lukisan ---

EA : Kerja kat [di] luar pun ada, tangkap gambar terus lukis dekat [di] rumah ja [sahaja]. Kalau outdoor [luar] tu kita boleh la melukis-melukis letak watercolor [warna air] untuk ramai-ramai aktiviti. Selain daripada watercolor sketch [lakaran warna air], kita ambil gambar pahtu [selepas itu] kita balik selain hok sketch [lakaran] tu _ _ _ _ _

MA : Pastu kalau biasanya yang tadi ada lukisan yang dijual dua belas ribu, adakah jenis kontemporari atau macam mana? Pemandangan atau lebih kepada kebudayaan?

EA : Atas kita. Kerjaya kita. Kita yang olah harga tu berapa.

MA : Pastu yang terjual baru-baru ni majoritinya pemandangan atau tak? Yang landskap harga tinggi kah?

EA : Saya kalau tinggi lebih kepada figure [figura]. Saya pasal kalau buat pameran di KL [Kuala Lumpur] buat figure [figura] macam ini. Tak sama dengan diorang [mereka] buat. Lebih kepada landskap bentuk-bentuk benda lain, rumah-rumah. Tak ramai di KL [Kuala Lumpur] ada, yang hebat-hebat banyak. Tapi kat [di] Kelantan, bagi saya tak ramai bab landskap.

NAH : Berkaitan pembikinan komik, adakah terdapat cabaran?

EA : Tak ada. Cumanya komik ini kena deadline [tarikh akhir] nak kena siap in time. Seminggu sekali, tiap-tiap minggu kena siapkan. Itu lah cabaran

dia.

NAH : Adakah skrip komik diberikan pada tiap-tiap [setiap] minggu atau sudah diberi awal?

EA : Tetiap [setiap] minggu. Lebih kurang dua minggu pun ada jugak [juga] in advance [terlebih dahulu] kan.

MA : Nampak dari sini lebih kepada potret. Lukisan-lukisan lebih kepada potret. Lebih kepada figura. Macam saya minat melukis, ada minat melukis tapi mungkin kurang inspirasi. Kelebihan kurang.

EA : Harus diberi tumpuan. Kalau ada minat kena concentrate [menumpukan perhatian] baru jadi. Tengok saja tak jadi. Kena tumpu dan buat.

MA : Kena tumpu dan buat. Mungkin saya cepat mengalah [ketawa]. Kalau nak kata tak ada sokongan daripada keluarga tu dapat. Nak buku melukis pun ada. Tapi itulah.

EA : Tapi kalau ada minat melukis bila kita cakap hal lukisan dia cepat nampak. Orang tak minat lukisan ni, kita cakap dia blank [kosong]. Beza tapi [tetapi] seni penting, seni kalau apa-apa kerja dia kena ada seni. Seni tu penting. Kalau buat rumah pun seni. Kontrak rumah buat engineering [kejuruteraan] itu semua seni. Kita ada seni, dia takde art [seni] orang panggil. Kalau nak maju, kebanyakan pemaju ada seni. Contoh China, tamadun China punyai seni yang lebih tinggi. Sebab tu [oleh sebab itu]

maju China [China maju].

Dengan ini, tamatlah sesi temubual mengenai **pengalaman dan sumbangan Encik Abdullah bin Ibrahim sebagai seorang pelukis 1960 hingga kini**. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang **seni lukisan** para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

Maizatul Aqilah binti Zakariah bersama Nur Adilah Hanim binti Nordin menemubual Abdullah bin Ibrahim yang dilahirkan pada di Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dijalankan secara bersemuka di kediaman beliau Kota Bharu Kelantan. Temubual ini adalah untuk mengetahui mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pelukis pada awal 60-an hingga kini.

LOG	TOPIK	SUBJEK
03.05 - 12.45	Latar belakang peribadi	<ul style="list-style-type: none">- Abdullah bin Ibrahim- Lahir dan membesar di Kota Bharu
12.46 - 17.05	Sejarah Pendidikan	<ul style="list-style-type: none">- Sultan Ismail College- SK Langgar
17.06 - 17.35	Kerjaya Awal	<ul style="list-style-type: none">- Pelukis komik / reka bentuk di Dewan Bahasa dan Pustaka
17.36 - 24.44	Kerjaya dalam bidang seni	<ul style="list-style-type: none">- Pelukis Grafik di PTM Communication- Bisnes Lukisan
24.45 - 41.30	Mengenai bidang seni	<ul style="list-style-type: none">- Gemar menghasilkan lukisan figura- Teknik yang digunakan berlandaskan kontemporari- Lebih gemar menggunakan akrilik berbanding warna minyak walaupun lambat kering- Komposisi pada gambar atau lukisan lebih penting dan

		perlu dititikberatkan berdasarkan Encik Abdullah
41.31 - 58.07	Penglibatan dalam bidang seni	<ul style="list-style-type: none"> - Terlibat lebih 60 tahun - Pamerkan lukisan di Muzium Terengganu, Balai Seni Warisan Kelantan, Siti Gallery Ampang, Matrix Art - Melibatkan diri dengan lukisan mural
58.10 - 58.55	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> - Lukisan terjual - Lukisan untuk tatapan pelancong melalui mural - Ingin menjadi pelukis yang hebat setanding idola - Ingin memiliki galeri lukisan sendiri
58.56 - 1.26.17	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> - Agar lukisan tak pupus dari seni warisan - Agar orang melayu lebih ramai meminati seni kerana setiap perkara memerlukan seni untuk maju seperti China

RALAT

7.0 RALAT

Sepanjang temubual ini berlangsung, terdapat beberapa masalah dan halangan yang terjadi yang tidak dapat dielakkan. Antara masalah yang terjadi adalah seperti berikut:

1. Bunyi bersin
2. Bunyi notifikasi telefon bimbit

Walaupun bagaimanapun, temubual ini telah berjalan dengan lancar. Suara dan video ketika temubual yang dijalankan dapat didengari dengan jelas.

BIBLIOGRAFI

8.0 BIBLIOGRAFI

- Andaikutahuitu, & Andaikutahuitu. (2012, May 29). *NOTA (Sejarah Asal Usul Lukisan)*. andaikutahuitu. Retrieved February 12, 2023, from <https://andaikutahuitu.wordpress.com/2012/05/28/nota-sejarah-asal-usul-lukisan/>
- Seni, C. (n.d.). *Perkembangan Seni visual di Malaysia*. pendidikan seni visual. Retrieved February 10, 2023, from <http://senivisual1.blogspot.com/2012/06/perkembangan-seni-visual-di-malaysia.html>
- Sidik, F. (n.d.). *Kreativiti Dan Dinamika Tampak pelukis Muda : Suatu Catatan*. Kreativiti dan Dinamika Tampak Pelukis Muda : Suatu Catatan. Retrieved February 10, 2023, from http://faizalsidik.blogspot.com/2014/05/kreativiti-dan-dinamika-tampak-pelukis_9.html
- Wikimedia Foundation. (2022, June 13). *Seni Lukis*. Wikipedia. Retrieved February 10, 2023, from https://ms.wikipedia.org/wiki/Seni_lukis
- Yuda, A. (2021, July 15). *Pengertian Seni Lukis, Jenis, Teknik, Dan Tujuannya yang perlu dipahami*. bola.com. Retrieved February 12, 2023, from <https://www.bola.com/ragam/read/4607477/pengertian-seni-lukis-jenis-teknik-dan-tujuannya-yang-perlu-dipahami>

LAMPIRAN

9.0 LAMPIRAN

9.1 Surat Kebenaran

www.uitm.edu.my



Cawangan Kelantan
Kampus Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)
Tarikh : 1 Januari 2023

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

Bil	Nama	No. Pelajar
1	MAIZATUL AQILAH BINTI ZAKARIAH	2020496272
2	NUR ADILAH HANIM BINTI NORDIN	2020489008

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari **IAJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (KEPUJIAN) (IM245)**, bahagian (3) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **MAIZATUL AQILAH BINTI ZAKARIAH** di talian **0172652829**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Sekian, terima kasih.

RUSLINDA RAZAK
Penolong Pendaftar Kanan
b/p TIMBALAN REKTOR HEA

Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
Tel: (+09)976 2000 2162-2266 Faks: (+09)976 2156
Email : tcheakn@uitm.edu.my



9.2 Surat Perjanjian


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SE JARAH LISAN

Saya ABDULLAH BIN ISRAHIM 1969
[Redacted] [Redacted] [Redacted]

dengan ini bersejua dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyediaan dan pemeliharaan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diwarankan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang diperlukan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu diimak oleh tokoh (re-interview).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Na [Redacted])
Tarikh: [Redacted]

(Nama Penerima: NurJawica Binti Abdullah)
i.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UTM)

9.3 Senarai Soalan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai seorang tokoh dalam **bidang seni** . Bersama-sama kami ialah **Abdullah bin Ibrahim** yang merupakan seorang pelukis. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 2 Februari 2023 bersamaan dengan hari **Khamis** pada pukul 10 pagi bertempat di **Kota Bharu, Kelantan**. Temubual ini dikendalikan oleh **Maizatul Aqilah binti Zakariah** dan **Nur Adilah Hanim binti Nordin**. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

1. Latar belakang

- Apakah nama penuh dan juga nama panggilan encik?
- Bilakah encik dilahirkan?
- Encik dilahirkan dan membesar di mana?
- Apakah nama ibu dan ayah encik?
- Ibu bapa encik bekerja sebagai apa?
- Encik mempunyai berapa orang adik - beradik?
- Adakah adik-beradik encik terlibat dalam bidang yang sama?
- Bilakah encik mendirikan rumahtangga?
- Siapakah nama isteri encik?
- Umur isteri encik?
- Kerjaya isteri encik?
- Adakah encik mempunyai anak?
- Berapakah bilangan anak encik?
- Berapakah umur anak- anak encik?
- Apakah kerjaya anak- anak encik?
- Adakah anak-anak meminati bidang yang diceburi?
- Bagaimana encik membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya?
- Apakah hobi yang diminati selain daripada bidang ini?
- Apakah motto yang dipegang untuk meneruskan seni warisan ini?

2. Sejarah pendidikan

- Encik bersekolah rendah di mana?
- Tahun bilakah encik memulakan persekolahan rendah?
- Apakah nama sekolah menengah encik?
- Tahun bilakah encik menamatkan zaman persekolahan?
- Adakah encik pernah melibatkan diri dalam pertandingan melukis yang dianjurkan pihak sekolah?
- Zaman persekolahan merupakan zaman paling mencabar, boleh encik ceritakan?
- Di manakah pengajian peringkat tinggi encik?
- Apakah pengalaman manis ketika bergelar sebagai seorang pelajar?
- Cabaran dalam perjalanan pengajian/ pengalaman yang dapat encik dikongsikan?

3. Kerjaya

3.1 Kerjaya awal

- Selepas tamat pengajian, encik bekerja sebagai apa?
- Berapa lamakah encik bekerja dalam bidang tersebut?
- Apakah jawatan yang disandang sewaktu bekerja dalam bidang tersebut?

3.2 Kerjaya dalam bidang seni

- Mengapakah encik meminati bidang lukisan ini?
- Apakah keistimewaan bidang seni lukisan ini kepada encik?
- Selain kepakaran dalam bidang seni lukisan, apakah kemahiran/ pekerjaan lain yang encik lakukan?
- Adakah encik masih meneruskan kerjaya seni lukisan semasa bekerja di Dewan Bahasa Pustaka?
- Adakah encik mendapat penerimaan yang positif sepanjang penglibatan encik dalam bidang lukisan?
- Bagaimana encik memotivasikan diri untuk meneruskan diri untuk menceburkan diri dalam bidang seni lukisan ini?
- Siapakah yang mendorong tuan untuk melibatkan diri dalam bidang seni lukisan ini?
- Adakah encik mempunyai Facebook, Instagram untuk peminat mengikuti perkembangan encik?

4. Mengenai bidang seni

- Bolehkah encik ceritakan serba sedikit mengenai bidang seni lukisan ini dari sudut pandangan encik.
 - Apakah jenis lukisan yang encik gemar hasilkan ?
 - Apakah teknik seni lukisan yang encik gunakan dalam penghasilan karya lukisan encik?
 - Apakah medium yang digemari dalam menghasilkan sesuatu karya?
 - Bagaimana encik mendapat inspirasi dalam menghasilkan karya lukisan encik?
 - Di manakah tempat yang menjadi pilihan encik untuk melukis?
 - Apakah barangan yang sering digunakan dalam penghasilan karya?
 - Adakah penggunaan warna air dan cat minyak berbeza dalam penggunaan sesuatu karya?
 - Adakah encik mempunyai lukisan kegemaran diantara semua lukisan yang encik pernah hasilkan?
 - Adakah lukisan tersebut mempunyai sejarah semasa penghasilannya?
 - Apakah lukisan pertama yang encik hasilkan?
 - Apakah lukisan yang dihasilkan oleh encik yang dirasakan paling bernilai?
 - Apakah lukisan yang encik hasilkan yang memberi impak positif atau nilai sentimental terhadap diri encik?
 - Berapa banyakkah lukisan dapat dijual (dalam masa sebulan atau sehari)?
 - Apakah lukisan yang termahal pernah dijual?
 - Berapakah harga lukisan tersebut?
 - Bagaimanakah sesuatu lukisan dinilai bagi menentukan harga lukisan tersebut?
 - Adakah encik pernah menerima tempahan lukisan dari mana-mana pihak?
 - Berapa lamakah tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan tempahan tersebut?
 - Bagaimanakah cara untuk membezakan lukisan yang berkualiti dengan lukisan yang tidak berkualiti?
 - Apakah aspek penting yang encik titik beratkan dalam penghasilan karya-karya lukisan encik?
 - Apakah perkara yang akan encik lakukan sebelum melukis sesebuah lukisan?
 - Apakah lukisan yang paling mencabar yang pernah encik hasilkan?
-
- Sepanjang penglibatan encik dalam bidang ini, berapa banyak lukisan yang telah encik hasilkan?
 - Bagaimana encik menjaga lukisan-lukisan yang lama, karya encik daripada rosak?
 - Apakah cara untuk menjaga lukisan tersebut?
 - Apakah lukisan terbaru yang encik hasilkan dan apakah maksud disebalik lukisan tersebut?

5. Penglibatan dalam kerjaya seni

- Bilakah encik mula bergiat aktif dalam bidang seni lukisan ini?
- Bagaimanakah encik boleh terlibat dalam bidang seni lukisan ini
- Berapa lama encik sudah terlibat dalam bidang ini?
- Adakah menceburi bidang seni lukisan ini merupakan cita - cita encik sejak kecil lagi?
- Adakah encik mendapat persetujuan dari ibu bapa untuk menceburi bidang seni lukis?
- Apakah kenangan/pengalaman manis encik sepanjang penglibatan dalam bidang seni lukisan ini?
- Apakah pengalaman yang paling mencabar yang pernah encik lalui sepanjang penglibatan dalam bidang seni lukisan ini?
- Adakah encik mempunyai idola yang menjadi inspirasi bagi encik dalam menghasilkan sesuatu lukisan?
- Bagaimanakah encik mendapat inspirasi untuk melukis potret M.Nasir dan P.Ramlee. Mengapa?
- Selain daripada potret yang disebutkan, siapakah tokoh lain yang pernah encik lukis?
- Dimanakah karya-karya lukisan encik sering dipamerkan?
- Apakah lukisan yang biasa dihasilkan untuk pameran?
- Selain dari pameran, adakah encik sering dijemput untuk mengendali bengkel seni atau ceramah mengenai bidang seni lukisan ini?
- Adakah encik pernah melibatkan diri dalam kerjaya lukisan melukis mural?
- Adakah terdapat jemputan melukis dari luar atau hanya menerima tawaran dalam negeri sahaja?
- Adakah penglibatan tersebut dijemput atau secara sukarela?
- Melukis mural secara berkumpulan atau secara individu?
- Adakah lukisan mural menggunakan teknik yang sama seperti lukisan pada kanvas?

- Bolehkah encik ceritakan aktiviti terkini yang encik sertai?
- Bagaimana encik bergiat aktif dalam bidang seni lukisan ini sehingga mampu sampai ke tahap sekarang?
- Pada pendapat encik, apa persiapan penting yang perlu dilakukan sebelum menceburi bidang ini?
- Pada pandangan encik, adakah semua orang boleh menceburi bidang ini?
- Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada diri seseorang itu jika ia ingin menjadi seorang pelukis?

- Apakah bentuk latihan yang sesuai diberikan kepada mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang seni lukisan ini?
- Apakah nasihat terbaik yang boleh diberikan kepada bakal pelukis untuk meneruskan seni warisan?
- Adakah encik bersetuju bahawa kesabaran merupakan aspek penting dalam penghasilan sesuatu karya?

6. Sumbangan

- Apakah pencapaian atau anugerah yang encik rasa paling besar sejak menceburi bidang ini?
- Melalui hasil karya seni ini, apakah pandangan yang masyarakat perlu lihat?
- Melalui hasil karya seni ini, apakah pandangan yang masyarakat perlu lihat?
- Apakah pencapaian yang ingin encik kecapai?
- Ada tak tengok lukisan-lukisan daripada orang yang macam kalau orang-orang lama lukisan dia lain, kalau orang muda punya lukisan pernah tengok? Karya lebih kepada apa?
- Jika diberi peluang untuk pergi outdoor [luar] lagi berminat tak?
- Adakah pekerjaan melukis ini memerlukan kos yang tinggi?
- Kalau macam tempahan daripada orang luar, adakah mengambil masa yang lama? Ada tak lukisan yang tidak memenuhi citarasa pelanggan?
- Lukisan yang dijual dua belas ribu, adakah jenis kontemporari atau macam mana?
- Pemandangan atau lebih kepada kebudayaan?
- Lukisan yang terjual baru-baru ni majoritinya pemandangan atau tak?
- Adakah harga landskap tinggi?
- Berkaitan pembikinan komik, adakah terdapat cabaran?
- Adakah skrip komik diberikan pada tiap-tiap [setiap] minggu atau sudah diberi awal?

7. Harapan

- Pada pandangan encik, adakah bidang seni lukisan ini penting untuk dikekalkan?
- Apakah pandangan encik terhadap seni lukis pada masa hadapan?
- Apakah harapan encik untuk generasi muda lebih menceburi bidang ini?

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai **pengalaman dan sumbangan En. Abdullah bin Ibrahim sebagai seorang pelukis dari tahun 60-an hingga kini**. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan

wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang **seni lukisan** para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

9.4 Diari Kajian

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
1400-1700	17 Okt 2022	Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah subjek IMR604 memberi penerangan mengenai tugas sejarah lisan.	Cakna akan maklumat dan penerangan yang diberikan untuk rujukan dan garis panduan.
0800-1000	19 Okt 2022	Membuat kajian berkenaan seniman veteran menggunakan maklumat yang diberi oleh pensyarah.	Mengenal pasti syarat seniman veteran melalui garis panduan yang diberikan.
0800-1000	21 Okt 2022	Menyenaraikan senarai seniman veteran untuk ditemubual antaranya Seniwati Sarimah Ahmad, M Nasir, Rizalman Ibrahim dan Hj Aznil Zawawi	Membuat senarai pendek dan mencari maklumat berkenaan seniman.
0800-1000	26 Okt 2022	Mencari maklumat mengenai tokoh yang menepati kriteria.	Memastikan tokoh sesuai untuk ditemubual.

0800-1000	05 Nov 2022	Memilih Seniwati Sarimah Ahmad dan membuat abstrak berkenaan tokoh.	Menghantar abstrak kepada pensyarah untuk mendapatkan pengesahan
-----------	-------------	---	--

1200-1400	04 Dis 2022	Menghubungi Seniwati Sarimah Ahmad untuk atur masa dan tarikh temubual.	Menghubungi Profesor Razak Mohaideen melalui ruang mesej Instagram cucunya tetapi tiada respon.
1400-1600	15 Dis 2022	Memilih Puan Fatimah Abu Bakar untuk ditemu bual kerana tidak mendapat respon dari pilihan yang pertama	Menghubungi seniman untuk ditemubual dan Berjaya hubungi pembantunya untuk mendapatkan Tarikh.

0800-1000	03 Jan 2023	Mendapatkan pengesahan dari pensyarah setelah berunding dengan Puan Fatimah Abu Bakar.	Menghantar semula abstrak yang baru dan menyiapkan <i>preliminary notes</i> .
0800-1000	04 Jan 2023	Mendapatkan surat penyelidikan dari Hal Ehwal Akademik, UiTMCK dengan bimbingan dari pensyarah	Surat penyelidikan telah diperoleh.

0800-1000	05 Jan 2023	Menyiapkan soalan temubual	Merujuk fakta soalan temubual berdasarkan carian di internet dan hantar kepada pensyarah.
1400-1500	01 Feb 2023	Bersedia untuk menemubual seniman tetapi temubual dibatalkan di saat-saat ingin ditemubual atas masalah yang tidak dapat dielakkan.	Memilih untuk menukar seniman

1600-1700	01 Feb 2023	Menghubungi Abdullah Ibrahim, merupakan pelukis	Mendapat pengesahan dari seniman untuk ditemubual pada 02 Feb 2023 atas permintaan seniman.
2030-2230	01 Feb 2023	Menyiapkan soalan temubual berkenaan seniman.	Mengubah semula segala tugas yang diberi.
1300-14.30	02 Feb 2023	Menemubual tokoh secara bersemuka di kediaman beliau di kg Bayam, Kota Bharu	Berjaya diselesaikan dengan masa tembual, 1 jam 30minit.
2030-2230	07 Feb 2023	Menyiapkan kertas kerja, transkrip, preliminary preparation, dan abstrak temubual pelukis	Hendaklah dihantar pada 10 Feb 2023s
2030-2230	10 Feb 2022	Tugasan dihantar sedikit lewat atas masalah dari pihak penemubual menyiapkan tugas.	Selesai.

9.5 Gambar





INDEKS

INDEKS

A

Auction

B

Bisnes

F

Figura

K

Komposisi

Kontemporari

Komik

L

Lanskap

Lukisan

M

Mural

Medium

S

Seni

Simposium

T

Teknik

U

Universiti

W

Warisan